

400 pelajar ikuti seminar kerjaya pertanian dalam talian Alumni UPMKB

BINTULU: Seramai 400 pelajar menyertai Program Alumni Giving Back Series 1: Seronoknya Dunia Pertanian secara maya menerusi platform Webinar dalam talian baru-baru ini.

Program yang diadakan pada 16 Disember 2024 lepas tersebut merupakan anjuran Sekretariat Alumni dan Kerjaya Majlis Perwakilan Kolej (MPK) Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak (UPMKB).

Pengarah programnya Adi Mahathir Mahadi berkata, program itu dianjurkan untuk mengukuhkan hubungan antara alumni dan pelajar serta sebagai platform untuk memahami cabaran dan peluang kerjaya dalam sektor pertanian.

“Kami ingin mencipta ruang bagi alumni untuk berkongsi pengalaman dan memberi panduan kepada pelajar tentang realiti dunia pekerjaan,” katanya.

Dalam program itu katanya, Alumni Sarjana Muda Sains Bioindustri UPMKB dan Penyelia Ladang Kundasang Aquafarm Andika Rahmat Kandondoig telah menyampaikan ceramah dan



PERKONGSIAN: Andika (tengah) semasa berinteraksi dengan para pelajar UPMKB dalam Program Alumni Giving Back Series 1: Seronoknya Dunia Pertanian.

pendedahan tentang trend semasa dalam industri pertanian serta motivasi menjadi usahawan yang berpotensi menjana pendapatan.

Katanya, Andika turut berkongsi teknik inovatif seperti penggunaan teknologi akuaponik dan hidroponik yang semakin popular dalam sektor pertanian.

Selain itu katanya, peserta turut didedahkan kepada kepentingan pertanian mampan dalam memastikan keseimbangan ekologi.

Pada masa sama katanya, sesi soaljawab interaktif turut diadakan selepas ceramah membolehkan pelajar mendapatkan penjelasan

lanjut berkenaan cabaran operasi ladang komersial dan bagaimana alumni mengatasi kekangan tersebut.

“Perbincangan juga menyentuh potensi kerjasama antara alumni dan pelajar dalam projek komuniti untuk mengembangkan sektor pertanian di Malaysia,” jelasnya.

Justeru katanya, program ini mampu menjadikan UPMKB sebagai universiti yang terus komited membentuk graduan yang kompeten dan bersedia menghadapi cabaran masa depan dalam sektor pertanian yang semakin berkembang pesat.